

## **BAB KEDUA**

**PERBEZAAN PEMINJAMAN  
DENGAN LAIN-LAIN UNSUR  
MORFOLOGI BAHASA ARAB**

---

**BAB 2: PERBEZAAN PEMINJAMAN DENGAN LAIN-LAIN UNSUR**


---

**MORFOLOGI BAHASA ARAB.**


---

Supaya peminjaman ini dapat dikenali dan dipasti dengan jelas maka ia hendaklah dibezakan dengan unsur-unsur morfologi lain yang terdapat di dalam bahasa Arab, khususnya dengan unsur-unsur yang hampir sama dengannya, terutama dari segi nama dan bentuk.

Dengan menjelaskan perbezaan ini para peminat dan pengkaji bahasa tidak terkeliru antara peminjaman dengan unsur-unsur lain yang terdapat dalam bidang morfologi bahasa Arab.

Di antara unsur-unsur lain yang dikira hampir sama dari segi bentuk dan keadaannya dengan peminjaman ialah **دَخْلٌ** (Dakhīl) dan **تَوْلِيدٌ** (Taulīd).

Dalam bab ini nanti perbezaan akan ditumpukan terhadap dua unsur ini.

Untuk memudahkan kajian ianya dibahagikan kepada dua fasal seperti berikut:-

---

**2- 1 : PERBEZAAN ANTARA PEMINJAMAN DAN DAKHIL**


---

Peminjaman dan dakhīl kedua-duanya adalah merupakan di antara unsur-unsur morfologi yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Kedua-dua unsur ini mempunyai peranan yang sama bagi

memantapkan bahasa Arab, terutama dalam keperluan penambahan perbendaharaan kata. Ianya merupakan salah satu sumber yang utama kepadanya. Oleh itu ia hendaklah diberi perhatian yang teliti agar dapat dikenali dengan jelas kerana kedua-duanya hampir sama dari segi istilah dan bentuk.

Dalam menghurai perbezaan antara dua unsur ini terdapat dua golongan di kalangan ahli gramatika dan ahli linguistik Arab.

#### 2-1-1: GOLONGAN YANG MEMBEZAKAN ANTARA PEMINJAMAN DENGAN DAKHIL.

Setengah daripada ahli gramatika dan linguistik Arab moden seperti Dr. ʻAbd al- Ḥamīd al-Syalqāniy, Dr. Syābān ʻAbd al- ʻAzīm, Dr. Abḥmad ʻAbd al-Raḥmān Hammād dan lain-lain lagi telah meletakkan asas utama pada menentukan perbezaan di antara dua unsur ini dengan mengkiaskan kepada *wazan ṣarfi* bahasqa Arab.

Jika sesuatu perkataan pinjaman itu ianya mengikut kaedah *wazan ṣarfi* bahasa Arab sehingga berlaku ke atasnya *isytiqāq* dan sebagainya dan ianya pula dituturkan mengikut *sighat* bahasa Arab maka perkataan itu dinamakan perkataan pinjaman.<sup>(1)</sup>

Contohnya: Perkataan درهم (dirham), dikira sebagai perkataan pinjaman kerana ianya sejajar dengan

wazan ḥarfī bahasa Arab. Perkataan ini boleh dikiaskan dengan perkataan Arab هِجْرَة (hijra<sup>4</sup>).

Sebaliknya jika sesuatu perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab itu keadaan bentuknya tidak mengikut wazan ḥarfī bahasa Arab maka perkataan itu dinamakan perkataan dakhīl.

Contohnya perkataan إِبْرَاهِيم (ibraisam) atau perkataan yang seumpama dengannya. Oleh kerana ianya tidak mengikut wazan ḥarfī bahasa Arab maka ianya dinamakan perkataan dakhīl.

Dengan kata lain perkataan dakhīl itu ialah perkataan-perkataan dari bahasa asing yang masuk ke dalam bahasa Arab dan kekal dalam bentuk asalnya, tidak tunduk kepada wazan ḥarfī bahasa Arab dan tidak boleh dipecahkan kepada apa-apa pola lain. Jika ada pun perubahan padanya, ia berlaku secara darurat sahaja bagi menyesuaikan dengan gaya pertuturan lidah orang-orang Arab, kerana kadang-kadang kita dapati apabila mereka menggunakan perkataan-perkataan yang bukan bahasa mereka, mereka akan menuturkan dengan berbagai-bagai sebutan.

Contohnya:-

Perkataan بَغْدَاد (Baghdād) kadang-kadang dituturkan dalam bentuk بَغْدَه (Baghdādh)  
atau بَغْدَان (Baghdān). (2)

2-1-2: GOLONGAN YANG TIDAK MEMBEZAKAN DI ANTARA PEMINJAMAN DENGAN DAKHIL.

Oleh kerana peminjaman dan dakhil pada asasnya adalah dimaksudkan kepada perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab. Maka setengah ahli linguistik dan gramatika Arab tidak membezakan di antara keduanya.

Kebanyakannya mereka yang berpendapat demikian terdiri daripada ahli-ahli linguistik dan gramatika Arab silam seperti al-Jawāliqiy dan al-Sayūtiy.

Al-Jawāliqiy di dalam kitabnya "al-Mu'arrab" telah menyebut:

( وَلَيْسَ فِي أُصُولِ آبَنِيَّةِ الْعَرَبِ إِسْمٌ فِيهِ كُونٌ بَعْدَهَا "رَاءٌ" فَإِذَا  
مَسَرَّ بِكَ قَاعِلَمْ أَنَّ نِلِكَ الْأَرْسَمُ مُعَرَّبٌ تَجْوُ تَرْجِيسٌ وَتَرْسٌ وَتَوْرَجٌ )

Maksudnya: (Pada asasnya tidak ada di dalam pembentukan kata nama Arab yang padanya terdapat huruf كون disusuli dengan huruf راءٌ. Jika kamu dapati perkataan sedemikian maka ketahuilah ianya perkataan pinjaman. seperti perkataan ترجيس (narjis) ترس (nars) تورج (nawraj) )<sup>(٣)</sup>.

Kemudian pada baris berikutnya beliau menyebut:

( وَلَيْسَ فِي كَلَامِيْمُ "رَاءٌ" بَعْدَهَا "إِلَّا تَخِيلٌ مِنْ نِلِكَ "الْمُهَنَّدَارٌ  
وَ "الْمُهَنَّدَفُ" )

Maksudnya; (*Dan tidak ada pada pertuturan mereka perkataan yang tersusun daripada huruf saja selepasnya huruf saja kecuali ianya perkataan dakhil.*

*Contohnya perkataan الْهِنْدَاز (al-hindāz) dan الْمُهَنْدِيز (al-muhandiz) .*<sup>(4)</sup>

Jelas kepada kita di sini beliau telah menggunakan istilah "pinjaman" dan "dakhil" kepada maksud yang sama, iaitu di maksudkan kepada perkataan asing yang dipinjamkan ke dalam bahasa Arab.

Al-Sayūtiy juga tidak membezakan di antara peminjaman dan dakhil. Ini dapat difahami dengan meneliti definisi yang telah diberikan oleh beliau dengan katanya:

(هُوَ مَا اسْتَعْمَلَهُ الْعَرَبُ مِنْ أَلْقَاطِ الْمَوْضُوعَةِ لِيَعْنَى فِي فَيْرِ لَعْنَهَا)

Maksudnya; (*Peminjaman itu ialah perkataan-perkataan bukan Arab yang digunakan oleh orang-orang Arab dan diletakkan pada makna-makna yang tertentu*).<sup>(5)</sup>

Pada definisi di atas beliau telah mendefinisikan peminjaman itu secara umum, iaitu apa saja bentuk perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh orang-orang Arab ianya dinamakan peminjaman serta boleh juga dinamakan dakhil.

Begitu juga al-Khafājiy telah mendefinisikan peminjaman itu dengan katanya;

(وَأَنْتَمْ أَنَّ التَّغْرِيبَ تَقْلُ اللَّفْظَ الْعَجَمِيَّةَ إِلَى الْعَرَبِيَّةِ وَالْمَشْهُورَ فِيهِ التَّغْرِيبُ )

Bermaksud; (*Ketahuilah bahawa peminjaman itu ialah memindahkan perkataan-perkataan daripada bahasa asing ke dalam bahasa Arab yang lebih dikenali dengan nama ta<sup>c</sup>rib (peminjaman)).*<sup>(6)</sup>

Daripada definisi ini dapat difahami secara umumnya beliau tidak membezakan di antara peminjaman dan dakhīl. Beliau hanya menyebut, yang masyhur di kalangan mereka dinamakan dengan nama ta<sup>c</sup>rib (peminjaman).

"Abd al-Qādir Muṣṭafa al-Maghribiy berkata;  
 (وَالْمُعْرِبُ يُسَمَّى آتِيَّاً تَخِيلًا هُنَّا شَقَّلَهُ الْعَرَبُ مِنَ الْكَفَاظِ الْمَوْضُوعَةِ لِمَقَابِلِ فِي قَبْرِ لُقْبَاهَا )

Maksudnya; (*Peminjaman itu juga dinamakan dengan nama dakhīl, iaitu perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh orang-orang Arab serta dipakai pada makna-makna tertentu*).<sup>(7)</sup>

Di sini beliau menyebut dengan jelas bahawa peminjaman itu juga dinamakan dengan nama dakhīl.

Dari definisi-definisi dan keterangan di atas jelas kepada kita bahawa peminjaman dan dakhīl itu hanya

berlainan pada istilah sahaja , tetapi pada hakikatnya kedua-dua adalah perkara yang sama, iaitu dimaksudkan kepada perkataan asing yang dipinjam ke dalam bahasa Arab.

#### 2-1-3: GOLONGAN YANG BERPENDAPAT, DAKHIL ITU LEBIH UMUM DARIPADA PEMINJAMAN.

Terdapat pula setengah daripada ahli linguistik dan gramatika Arab yang berpendapat dakhil itu lebih umum daripada peminjaman antaranya Dr. "Ali "Abd al-Wāhid Wāfi di dalam bukunya "Fiqh al-Lughat" dan Muḥammad Sarḥān di dalam bukunya "Fiqh al-Lughat" . Kedua-duanya menjelaskan dakhil itu ialah perkataan-perkataan asing yang telah masuk ke dalam bahasa Arab dan digunakan oleh para fusahā<sup>۲</sup> Arab sama ada pada zaman Jahiliah atau zaman Islam dan termasuk juga apa yang digunakan oleh mereka yang datang selepasnya dari kalangan *Muwalladūn* sehingga ke hari ini.<sup>(e)</sup>

Para pengkaji bahasa Arab di zaman moden ini mengistilahkan orang-orang Arab fusahā<sup>۲</sup> itu ialah orang-orang Badwi yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab (*mereka tidak dicampuri oleh bangsa-bangsa lain sehingga pertengahan kurun yang keempat Hijrah*) dan orang-orang Arab amsār (yang tinggal di kawasan bandar) sehingga

akhir kurun yang kedua Hijrah. Zaman ini dinamakan "Asr al-Ihtijāj" iaitu satu zaman yang mana perkataan-perkataan dituturkan oleh mereka dikira sebagai bukti atau hujah tentang kefasihan dan kesahihan bahasa Arab. Ada pun mereka yang datang selepas zaman ini selain daripada golongan di atas, mereka dinamakan golongan "al-Muwalladūn" walaupun mereka berasal dari keturunan bangsa Arab.<sup>(9)</sup>

Mereka berdua telah mengklasifikasikan perkataan-perkataan dakhil ini kepada dua jenis:-

#### i) Perkataan Pinjaman.

Jika perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab itu telah digunakan oleh para fuṣahā<sup>10</sup>, maka ianya dinamakan *perkataan pinjaman*.

Contohnya:-

الديباج (al-dībāj)  
الآكواب (al-akwāb)  
الibrīq (al-ibrīq)  
التَّنْور (al-tannūr)

#### ii) Perkataan Muwallad.

Jika perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh para Muwalladūn serta perkataan-perkataan tersebut tidak dikenali oleh para Fuṣahā<sup>11</sup> sebelumnya maka ianya di-

namakan *perkataan muwallad*.<sup>(10)</sup>

Contohnya:-

- المس (al-mās)
- الطلس (al- aṭlas)
- ال Tilighraf (al-tilīghrāf)
- الترجيدي (al-terājīdiy)

Begitu juga mengikut pendapat Muḥammad al-Āntākiy di dalam bukunya "al-Wajīz Fī Fiqh al-Lughat" beliau meletakkan dakhīl itu lebih umum daripada peminjaman, bahkan lebih dari itu beliau mejadikan peminjaman itu sebagai satu bahagian daripada dakhīl.<sup>(11)</sup>

Oleh itu beliau telah mengklasifikasikan dakhīl itu kepada tiga jenis:-

#### i) Mu'arrab

Mu'arrab itu ialah perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab dan dituturkan oleh orang-orang Arab di zaman Jahiliyah dan juga oleh mereka yang pertuturnya telah dikira sebagai hujah bagi kefasihan dan kesahihan bahasa Arab.

Perkataan-perkataan seumpama ini sedikit sekali terdapat di dalam bahasa Arab kalau dibandingkan dengan jenis-jenis lain. Ini di sebabkan keadaan kehidupan orang-orang Arab pada zaman Jahiliyah jauh terasing dengan bangsa-bangsa lain di sekitar mereka menyebabkan

kurangnya berlaku pertembungan bahasa di antara mereka kecuali dalam keadaan yang sedikit sahaja. <sup>(12)</sup>

Kebanyakkan perkataan-perkataan jenis ini dipinjam daripada bahasa Farsi.

Contohnya:-

الكُوز (al-kūz)  
البَرِيق (al-ibrīq)  
الدِبَاج (al-dībāj)  
اليَاقُوت (al-yāqūt)  
الآنْبَار (al-anbar)

### ii) Muwallad.

---

Iaitu perkataan-perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab serta digunakan oleh kalangan Muwalladūn, yang mana pertuturan mereka tidak lagi boleh dikira sebagai bukti bagi kefasihan bahasa Arab.

Perkataan muwallad ini merupakan jenis perkataan asing yang terbanyak terdapat di dalam bahasa Arab, kerana pada zaman ini orang-orang Arab telah bercampur dengan berbagai-bagai bangsa dengan sebab berlakunya perkembangan pesat Islam yang membawa kepada berlakunya pertembungan bahasa di antara berbagai bangsa. Maka masuklah ke dalam bahasa Arab perkataan-perkataan asing dengan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan hasil dari

ketamadunan yang mereka capai.

Contohnya:-

البُونج	(al-bābūn)
الصَّابُون	(al-sābūn)
الْبَرْكَار	(al-birkār)
الْسُّطُوانَة	(al-astuwānat)
الْبَنْج	(al-banj)
الْقِنْطَارِيَّون	(al-qintāriyyūn)
الْسَّقْمُونِيَّات	(al-saqmūniyā)

Paling banyak perkataan-perkataan taulīd ini diambil ialah daripada bahasa Farsi, terutama nama-nama kepada jenis-jenis pakaian , nama kepada alat-alat dan tumbuhan-tumbuhan.

### iii) Muhdath atau *Āmiyyīn*.

---

Al-Muhdathūn itu diistilahkan kepada mereka yang datang selepas zaman Muwalladūn sehingga ke hari ini.<sup>(13)</sup>

Perkataan-perkataan asing yang dipinjam dan digunakan oleh mereka dinamakan perkataan *muhdath* atau *āmiyyīn*.

Tetapi cara untuk membezakan di antara perkataan-perkataan muwallad dan muhdath ini kadang-kadang sulit, kerana tidak ada kata sepakat di kalangan para pengkaji bahasa Arab tentang bilakah berakhirnya zaman Muwalladūn

dan bilakah pula bermulanya zaman Muḥdathūn sebagimana sulitnya untuk menentukan sesuatu perkataan itu bilakah dipinjamkan ke dalam bahasa Arab.<sup>(14)</sup>

Tetapi mengikut pendapat Dr. ḤAbd al-Sabūr Syāhīn berakhirnya zaman Muwalladūn itu ialah pada peringkat awal zaman Muḥammad ḤAli Basya di Mesir pada tahun 1805 m.<sup>(15)</sup>

Walau bagaimanapun perkataan-perkataan yang dinamakan dengan muḥdath itu banyak terdapat di dalam bahasa Arab. Kebanyakan perkataan-perkataan muḥdath ini datangnya daripada bahasa Farsi, bahasa Turki dan bahasa Kurdi, terutama perkataan-perkataan yang berhubungkait dengan istilah pentadbiran .

Contohnya:-

الْأَسْتَدَار (al-astadār)  
 الْجُوكَانْدَار (al-jūkandār)  
 الْجَمْدَاز (al-jamdāz)  
 الْطَّبْرَادَار (al-ṭabradār)  
 الْسَّرْكَحُور (al-sar<sup>q</sup>ākhūr)  
 الْبَشْمِقَدار (al-basymiqdār).

**2-1-4: GOLONGAN YANG MEMBEZAKAN DI ANTARA PEMINJAMAN DAN DAKHIL DENGAN BERPANDUKAN KEPADA ZAMAN TADWĪN AL-LUGHĀT.**

Terdapat juga setengah daripada kalangan pengkaji

bahasa Arab di zaman moden ini cuba membezakan peminjaman dan dakhīl ini dengan berpandukan kepada zaman تدوين اللغة (Tadwīn al-Lughat) , iaitu satu zaman yang diitlaqkan kepada masa penyusunan pembukuan ilmu-ilmu berhubung kait dengan bahasa Arab. Begitu juga mereka berpandukan kepada zaman penggunaan perkataan-perkataan peminjaman itu sendiri. Jika perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh mereka, dipinjam sejak zaman silam lagi, iaitu zaman sebelum tersusunnya ilmu mengenai bahasa Arab ini secara teratur dan teperinci atau yang dinamakan "Asr al-Ihtijāj" maka perkataan-perkataan tersebut dinamakan peminjaman, tidak kira sama ada sesuatu perkataan itu mengikut wazan ḥarfī bahasa Arab atau pun tidak.

Jika perkataan-perkataan asing yang digunakan oleh mereka datangnya selepas zaman tersebut ianya dinamakan perkataan dakhīl.<sup>(۱۶)</sup>

Perkataan-perkataan seperti:-

السندس (al-sundus)

الزنجبيل (al-zanjabil)

البريق (al-ibriq)

kesemuanya dinamakan perkataan pinjaman.

Manakala perkataan-perkataan seperti:-

الجمر (al-jamruk)

الموتور (al-mūtūr)

الْتِلِيفُونُ (al-tilīfūn)

kesemuanya dinamakan perkataan dakhīl.<sup>(17)</sup>

Dari penjelasan dan contoh-contoh di atas kita dapat mengetahui perselisihan pendapat di kalangan mereka mengenai perbezaan di antara peminjaman dengan dakhīl.

Pada keseluruhannya kita dapat membuat rumusan bahawa perselisihan di antara mereka hanya berlaku pada penggunaan istilah sahaja.

Setengah kalangan mereka menggunakan istilah peminjaman, manakala setengah yang lain pula menggunakan istilah dakhīl. Pada hakikatnya kedua-dua istilah ini diistilahkan kepada perkataan-perkataan asing yang telah masuk ke dalam bahasa Arab dan digunakan oleh orang Arab sama ada untuk pertuturan atau penulisan tanpa mengira bilakah masanya dan di dalam apa bentuk sekali pun.

Penulis sendiri lebih cenderung kepada golongan yang tidak membezakan di antara kedua-dua unsur morfologi ini sebagai mana yang dipelopori oleh ahli-ahli gramatika dan linguistik silam .

Oleh sebab itu untuk menyenangkan kajian dan supaya mudah difahami oleh para peminat bahasa Arab maka di dalam kajian berikutnya penulis akan mengkaji secara umum terutama pada memberi contoh-contoh, kesemuanya akan dinamakan dan digunakan dengan istilah peminjaman.

## 2-2: PERBEZAAN DI ANTARA PEMINJAMAN DAN TAUΛİD

---

Tauλiđ sepertimana juga peminjaman dan dakhil, ianya merupakan salah satu unsur morfologi yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Peranannya juga tidak kurang kalau dibandingkan dengan kedu-a-dua unsur di atas. Ianya merupakan penggunaan yang berterusan dan begitu penting khususnya untuk menampung keperluan menambah perbendaharaan kata bahasa Arab.

Yang dimaksudkan dengan perkataan tauλiđ itu ialah proses pembentukan perkataan-perkataan baru atau aktiviti-aktiviti menggunakan perkataan-perkataan silam untuk dipakai kepada makna-makna baru bagi disesuaikan dengan ketamadunan moden, sama ada perkataan yang dijadikan tauλiđ itu daripada bahasa Arab atau daripada bahasa Asing yang dihasilkan oleh mereka yang datang selepas kurun yang kedua Hijrah bagi kalangan *amsār* dan selepas pertengahan kurun yang keempat Hijrah bagi kalangan orang-orang *badwi* yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab. Perkataan tauλiđ ini pula tidak dikenali oleh kalangan *fusahā*<sup>18</sup> sebelum sempadan masa tersebut.<sup>19</sup>

Perbezaan di antara peminjaman dengan tauλiđ ini dapat dilihat berdasar kepada beberapa faktor sebagaimana

berikut:-

2-2-1; DENGAN MELIHAT KEPADA ASAL PERKATAAN-PERKATAAN YANG DIPINJAM DAN DITAULIDKAN.

Peminjaman itu berlaku semata-mata kepada perkataan asing sahaja, dengan erti jika perkataan yang dipinjam itu perkataan Arab ianya tidak boleh dinamakan peminjaman.

Manakala taulid merupakan proses pembentukan perkataan baru atau cara menggunakan perkataan-perkataan lama untuk dipakai kepada makna-makna baru bagi disesuaikan dengan keadaan zaman, tidak kira sama ada perkataan itu diambil daripada perkataan Arab atau daripada perkataan asing.

Contohnya:-

- a) Perkataan-perkataan taulid yang diambil daripada perkataan bahasa Arab:-

مِثْقَابٌ (*mithqab*) dipecahkan daripada perkataan ثَاقِبٌ (*thaqaba*).<sup>(19)</sup>  
 مِخْرَاطٌ (*mikhraṭat*) dipecahkan daripada perkataan خَرَاطٌ (*kharāṭa*).<sup>(20)</sup>  
 إِشْتِرَاكِيَّةٌ (*isytirākiyyat*) dipecahkan daripada perkataan شَرِيكٌ (*syarika*).<sup>(21)</sup>

- b) Perkataan-perkataan taulid yang berasal daripada bahasa asing:-

**بنجية** (*banajjat*) ditaulidkan daripada perkataan **البنج** (*al-banj*) ianya berasal daripada bahasa Hindi yang sama ertiya dengan **تخيير** (*takhdir*) di dalam bahasa Arab.<sup>(22)</sup> **البندار** (*al-bandar*) ditaulidkan daripada bahasa Farsi. sama ertiya dengan **مرسى السفن** (*mursa al-sufun*) di dalam bahasa Arab.<sup>(23)</sup>

**2-2-2: PEMINJAMAN ITU BERLAKU PADA MEMINJAM PERKATAAN-PERKATAAN SAHAJA, BERBEZA DENGAN TAUΛID YANG MELAHIR DAN MEMBENTUK PERKATAAN.**

Kalau kita amati , kita dapati peminjaman itu berlaku pada meminjam perkataan-perkataan asing sahaja. Ianya tidak bertujuan untuk membentuk perkataan-perkataan dalam bentuk baru.

Manakala taulid ianya berfungsi melahirkan perkataan-perkataan baru atau membentuk makna-makna baru atau menggubal perkataan-perkataan baru dengan cara akronim dan sebagainya.<sup>(24)</sup>

Maksud taulid pada perkataan itu ialah sesuatu perkataan yang dibentuk dan dilafaz dengan sighat baru dan dipakai pada makna baru pula.<sup>(25)</sup>

Contohnya:-

**الملازمة** (*al-malzamat*) dipakai perkataan ini

dengan cara taulid, makna kepada beberapa helai daripada sebahagian buku yang dicetak. (26)

الْقَدَرِيَّةُ (*al-Qadariyyat*) dipakai perkataan ini dengan cara taulid, makna kepada satu golongan yang mengingkari qada<sup>27</sup> dan qadar. (27)

الْمُرَبَّبُ (*al-murabba*) dipakai perkataan ini dengan cara taulid makna, kepada jem (*sejenis makanan*). (28)

Yang di maksudkan dengan taulid pada makna itu ialah sesuatu perkataan itu pada asasnya telah dipakai kepada sesuatu makna, kemudian dipakai pula kepada suatu makna lain dengan sighat yang sama. (29)

Contohnya:-

الْمَبْلَغُ (*al-mablagh*) makna asalnya ialah akhir sesuatu. Kemudian dipakai kepada makna baru iaitu kadar tertentu daripada harta. (30)

الْدُخْلَاتُ (*al-dukhlat*) makna asalnya ialah batin sesuatu. Kemudian dipakai kepada makna baru iaitu malam pengantin baru. (31)

الْهِيَّاتُ (*al-hissat*) makna asalnya ialah bahagian habuan. Kemudian dipakai kepada makna baru iaitu beberapa ketika daripada masa. (32)

Di antara contoh-contoh taulid yang berlaku dalam

bentuk akronim atau dinamakan "taulid al-ibdai" ialah:-

آفراسيَا. (*Afrāsiyā*) bererti dua benua iaitu benua Afrika dan benua Asia. <sup>(33)</sup>

فاصمييَّة (*Fas'amiyyat*) bererti gabungan dari dua bahasa, iaitu bahasa stonda dan bahasa dialek. <sup>(34)</sup>

#### 2-2-3: DENGAN MELIHAT KEPADA FAKTOR PERUBAHAN MAKNA.

Penggunaan perkataan pada masa peminjaman, jarang berlaku padanya perubahan makna dari perkataan asal dan jika berlaku ianya bukanlah merupakan tujuan asal peminjaman.

Sebaliknya peggunaan perkataan secara taulid akan berlaku padanya perubahan makna, bahkan antara tujuan taulid ialah meggunakan perkataan-perkataan silam untuk dipakai dengan makna baru dengan tidak mengubah sedikit pun bentuk perkataan asal. Ini menyebabkan kadang-kadang berlakunya keraguan pada menentukan sesuatu makna bagi perkataan taulid. Sedangkan perkara seperti ini tidak berlaku pada peminjaman. <sup>(35)</sup>

Contohnya:-

الزبيب (*al-zabīb*) makna asalnya ialah buah anggur yang telah dikeringkan, tetapi telah

berubah kepada makna baru iaitu arak yang dibuat daripada buah anggur. <sup>(36)</sup>

**2-2-4:DENGAN MELIHAT KEPADA CARA BERLAKU KEPADA KEDUA-DUANYA.**

Semasa berlaku peminjaman perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab, ianya tidak berlaku dalam bentuk ayat. Ia hanya berlaku dalam bentuk sesuatu perkataan sahaja .

Sebaliknya taulid berlaku dalam bentuk ayat sebagaimana juga berlaku dalam bentuk perkataan. <sup>(37)</sup>

Contohnya:-

شَرَقَتِ الشَّمْسُ (syaraqat al-Syams) ayat ini makna asalnya ialah: Matahari telah memancar. Tetapi apabila dijadikan ayat taulid seperti

شَرَقَتِ الْأَرْضُ (syaraqat al-'Ard) maknanya telah bertukar menjadi telah keringlah bumi disebabkan tidak ada pengairan. <sup>(38)</sup>

حَنَقَتِ الْوَرَقَ عَنِ الشَّجَرِ (hanqat al-warq 'an al-syajar) ayat ini bererti: menjatuhkan daun-daun dari pokoknya.

Tetapi apabila dijadikan ayat taulid seperti

حَتَّىٰ شَتَّىُ الشَّيْءَ (hathat al-syai') maknanya bertukar menjadi: Bersungguh-sungguh dalam membahagikan sesuatu. (39)

Inilah setengah daripada faktor-faktor yang dapat membezakan di antara peminjaman dengan taulid.

oo

## NOTA KAKI

- 1) Lihat al-Syālqāniy, Masādir al-Lughat, h.534. Ahmad Ābd al-Rahmān Ḥammād, Dr., Awāmil al-Tatawwur al-Lughawiy, h.85, Syābān Ābd al-Āzīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.56, Ibrāhīm Anīs, Dr., Min Asrār al-Lughat, Maktabat al-Anjlu al-Miṣriy. Cetakan Keenam h.215, Ābd Ṣabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ūlūm Wa al-Tdqniyyat, Dār al-ī tasām. Cetakan Kedua h.314 dan 322-323.
- 2) Lihat al-Jawāliqiy, al-Muṣarrab, h.112.
- 3) Lihat ibid, h.60 .
- 4) Lihat ibid.
- 5) Al-Sayūtiy, al-Muzhir, 1/268.
- 6) Al-Khafājiy, Syifā' al-Ghalil, h.23.
- 7) Lihat al-Syālqāniy, Masādir al-Lughat, h.535.
- 8) Lihat Āli Ābd al-Wāhid Wāfi, Dr., Fiqh al-Lughat, Dār al-Nahdat, Mesir. Cetakan Ketujuh. h. 199 , Muḥammad Sarhān, Fiqh al-Lughat . Matba'at al-Riyādh, 1956 m. h.76.
- 9) Lihat Ābd al-Wāhid Wāfi, Dr., Fiqh al-Lughat, h. 171- 172 dan 199, Muḥammad Sarhān, Fiqh al-Lughat, h.76 .

- 10) Al-Sayūtiy, al-Muzhir, 1/304. ḤAli ḤAbd al-Wāhiḍ  
Wāfi, Dr., Fiqh al-Lughat, h.199.
- 11) Lihat al-Āntākiy, al-Wajiz Fi Fiqh al-Lughat, h.444.
- 12) Lihat ibid.
- 13) Lihat ibid, h.446.
- 14) Lihat ibid, h.447.
- 15) Lihat ḤAbd al-Ṣabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.351.
- 16) Lihat Riyādh Qāsim, Ittijāhāt al-Bahth al-Lughawiy al-Hadīth Fi al-Ālam al-Ārabiyy, Mu'assasat al-Nawfal, Beirut, Lubnan. Cetakan Pertama, 1982 m.  
h.171.
- 17) Lihat ibid.
- 18) Lihat ḤAbd al-Ṣabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.345.
- 19) Al-Mu'jam al-Wasīt, 1/98.
- 20) Ibid, 1/227.
- 21) Ibid, 1/480.
- 22) Ibid, 1/71.

- 23) Ibid.
- 24) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., *al-‘Arabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat*, h.352
- 25) Lihat Sya<sup>“</sup>bān <sup>“</sup>Abd al-‘Azīm, Dr., *Qutūf Min Fiqh al-Lughat al-‘Arabiyyat*, h.67, <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., *al-‘Arabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat*, h.347.
- 26) *Al-Mu‘jam al-Waṣīt* 2/824.
- 27) Ibid, 2/718.
- 28) Ibid, 1/326.
- 29) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., *al-‘Arabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat*, h.325.
- 30) *Al-Mu‘jam al-Waṣīt*, 1/70.
- 31) Ibid, 1/275.
- 32) Ibid, 1/179.
- 33) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., *al-‘Arabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat*, h.347.
- 34) Lihat ibid.
- 35) Lihat ibid, h.351-352.

- (36) Al-Mu‘jam al-Wasīt, 1/387.
- (37) Lihat Syābān ḤAbd al-ḤAzīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.68.
- (38) Al-Mu‘jam al-Wasīt, 1/480.
- (39) Ibid, 1/153.

oooooooooooooooooooo